

Seni Persembahan Jalanan: Persepsi Masyarakat Kuching, Sarawak

Street Art Performance: A Public Perception in Kuching, Sarawak

Mohd Fahmi Yahaya

Anna Durin

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak

Nordiana Ahmad Nordin

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak

ymfahmi@faca.unimas.my

Abstrak

Hiburan jalanan merupakan persembahan yang dilakukan di tempat-tempat awam. Kumpulan ini akan bermain muzik, menyanyi dan menari tanpa mengenakan sebarang bentuk bayaran. Mereka terdiri daripada lelaki, wanita dan kanak-kanak. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pandangan masyarakat terhadap seni persembahan penghibur jalanan di sekitar bandar Kuching, Sarawak. Kajian kuantitatif ini menggunakan analisa kekerapan sebagai instrumen asas dalam pengumpulan data. Sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan secara rawak di sekitar kawasan bandar Kuching. Walaupun majoriti responden berpendapat bahawa persembahan jalanan tidak dapat menyumbang kepada ekonomi negara, mereka mempunyai persepsi yang positif secara keseluruhannya.

Kata kunci seni persembahan jalanan, buskers, persepsi

Abstract

Street performances are conducted in public places whereby a group of people will play music, sing and dance without imposing any form of charges. The performers are not limited to men but women and children as well. This study is conducted to see the public's view of street entertainers around Kuching, Sarawak. This quantitative study was conducted using simple frequency analysis as the main instrument in data analysis. A total of 200 questionnaires were distributed randomly in the vicinity of Kuching City. Although the majority of respondents felt that street performances are not able to contribute to the national economy, their general perception towards it is positive.

Keywords *street art performance, buskers, perception*

PENDAHULUAN

Persembahan jalanan atau *busking* adalah salah satu seni yang dipersembahkan di tepi-tepi jalan, kawasan kaki lima dan kawasan pejalan kaki. Persembahan ini adakalanya berbentuk nyanyian, tarian, silap mata dan bermacam lagi. Kebiasaannya, mereka yang membuat persembahan jalanan ini tidak mengenakan sebarang bayaran tiket. Namun, ada menyediakan tabung sumbangan. Penonton yang terhibur dengan persembahan mereka ini akan menyumbangkan wang sebagai tanda penghargaan. Sejarah mencatatkan bahawa amalan ini telah dilakukan sejak sekian lama. Kaum bangsawan Rom sering memberi upah kepada buskers kerana ia merupakan satu bentuk hiburan utama pada zaman itu. Di Eropah dan Amerika, pengembara dan kaum Slavia iaitu suku Gipsi yang sering mengembara, sinonim dengan persembahan jalanan. Pada hari ini, persembahan jalanan telah menjadi tarikan utama di beberapa buah negara yang terkenal sebagai destinasi pelancongan. Ia dilihat berpotensi untuk menyumbang kepada penjana pendapatan dan pembangunan ekonomi setempat.

Namun, bukan semua masyarakat di dunia ini mempunyai persepsi yang sama terhadap persembahan jalanan. Oleh kerana sering dikaitkan dengan penggunaan dadah, gejala sosial dan eksploitasi kanak-kanak, mereka diberi persepsi yang negatif (Berita Harian Online, 2013; Harian Metro 2014). Adakalanya, kumpulan ini dianggap lebih baik sedikit daripada peminta sedekah yang hanya menadahkan tangan mengharap simpati. Di negara seperti Amerika dan United Kingdom, persepsi

terhadap persembahan jalanan amat berbeza. Hal ini kerana mereka yang membuat persembahan tersebut ramai terdiri daripada pelajar jurusan seni di universiti terkemuka. Mereka mempunyai pelajaran dan sememangnya tahu membuat persembahan. Selain itu, ramai artis mereka yang bermula dari membuat persembahan jalanan akhirnya berjaya menjadi artis terkemuka dunia. Baru-baru ini di Malaysia, sebuah syarikat penerbitan telah membawa satu kumpulan persembahan jalanan ke sebuah acara muzik. Persembahan mereka telah mendapat sambutan yang hangat dan masih diperkatakan hingga ke hari ini. Kejadian ini mencetus inspirasi kepada pengkaji untuk mengkaji persepsi serta tahap pengetahuan masyarakat terhadap penghibur jalanan.

Penghibur Jalanan

Perkataan '*busking*' yang pertama telah dicatatkan dalam bahasa Inggeris pada pertengahan tahun 1860. Ia dipercayai telah dipetik daripada bahasa Sepanyol yang membawa maksud "mencari" atau "merayau", lalu telah diaplikasikan penggunaannya kepada penghibur jalanan yang berpindah randah untuk meraih ganjaran. Seperti di kebanyakan negara, ganjaran yang diterima lazimnya dalam bentuk wang namun ada juga ganjaran lain seperti makanan, minuman atau hadiah barangan. Persembahan yang dipertontonkan pula boleh tergolong dalam hampir kesemua kategori asalkan ianya mampu menghiburkan penonton. Biasanya, aktiviti busking berbentuk persembahan muzik, namun terdapat juga persembahan seperti akrobatik, teknik menjinakkan haiwan, belon berpusing, helah kad, badut, komedi, silap mata dan banyak lagi. Sejak dahulu lagi kelompok mereka ini akan bertumpu di kota-kota besar di mana kebarangkalian untuk menjana pendapatan adalah lebih tinggi.

Menyedari potensi industri ini kepada ekonomi negara, Kelab Penghibur Jalanan Malaysia (MYBC) telah diwujudkan dan didaftarkan untuk bergabung dan menaik taraf golongan penghibur jalanan di sini. Namun begitu, persepsi masyarakat secara umumnya terhadap artis jalanan di Malaysia masih kurang memberangsangkan. Oleh yang demikian, kajian mendalam harus dilaksanakan untuk memangkin cabang seni yang telah terbukti dapat menyumbang kepada ekonomi negara seperti ini.

Persepsi

Persepsi merupakan gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan menerusi pancaindera atau tanggapan manusia terhadap sesuatu perkara. Ia turut didefinisikan sebagai "suatu kepercayaan atau pendapat yang biasanya diberikan oleh orang ramai berdasarkan pemerhatian". Menurut Rangkuti (2002), persepsi merupakan suatu proses di mana individu memilih, mengorganisasikan serta memahami stimulus yang diterima melalui pancainderanya dan menjadikannya suatu makna. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi persepsi iaitu faktor peribadi dan faktor struktur. Faktor peribadi antara lain merujuk kepada proses belajar, motif, dan keperluan. Manakala faktor struktur pula meliputi lingkungan dan nilai sosial dalam masyarakat. Jadual di bawah merupakan kompilasi kenyataan yang dipetik daripada beberapa artikel akhbar berkaitan dengan pandangan terhadap penghibur jalanan di Malaysia.

Bil.	Nama	Kenyataan	Sumber
1.	Mustam Mustafa (Genji Buskers)	Pemuzik jalanan mampu beri contoh yang positif.	Harian Metro, 2014
2.	Tan Sri Datuk Sri Utama Dr. Rais Yatim (Bekas Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan)	Jika penghibur jalanan diberi peluang dan bantuan, berkemungkinan besar golongan ini akan menjadi profesional seperti di London dan Paris.	Utusan Online, 2014
3.	Philip Ali (Ikon Buskers)	Sambutan positif dari pengunjung terutama warga asing.	Utusan Online, 2014
4.	Sabirin Kapli (Peniaga)	Penghibur jalanan menjadi satu nilai tambah kepada pusat pelancongan.	Utusan Online, 2014
5.	Wady Hamdan (Presiden Kelab Buskers Malaysia)	Aktiviti persembahan penghibur jalanan ini dapat membuka mata masyarakat.	Harian Metro, 2014
6.	Meor Yusof Aziddin	Cabang seni yang tidak konvensional	Malay Mail Online,

	(Busker)	namun tetap memberi kesan kepada masyarakat.	2014
7.	Anuar Mohd Nor (Pengarah Eksekutif Institut Kajian Asas Kemasyarakatan)	Golongan ini sememangnya layak dan berhak dipanggil seniman atau karyawan muzik yang bertaraf dunia.	<i>Berita Harian</i> , 2011

Jadual 1 Pandangan terhadap penghibur jalanan di Malaysia

Berdasarkan Jadual 1, dapat kita rumuskan beberapa perkara. Pertama, kenyataan-kenyataan ini datang daripada mereka yang mempunyai kaitan langsung dengan persembahan jalanan. Kedua, kesemua mereka mempunyai persepsi yang positif dan yang ketiga, jumlah mereka ini terlalu kecil untuk mewakili persepsi masyarakat secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan kaedah kajian saintifik dengan cara mengumpul dan menganalisa data. Kaedah ini terbukti berkesan terhadap pengumpulan data pada skala yang besar.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Satu set borang soal selidik telah diedarkan kepada 230 orang responden secara rawak di sekitar kawasan Kuching. Borang soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. *Pilot test* telah dilakukan terlebih dahulu sebelum borang soal selidik tersebut diedarkan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa item-item di dalam borang soal selidik tersebut jelas dan mudah difahami. Struktur soalan serta kaedah yang digunakan telah diuji kepada 10 orang responden termasuk pakar dalam bidang kajian kuantitatif. Bahagian A mengandungi item-item yang digunakan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Bahagian B pula mengandungi item-item berkaitan persepsi. Setiap responden diberi masa selama 15 minit untuk menjawab borang soal selidik ini. Setelah itu, pengkaji akan mengumpul semula borang-borang tersebut dan memasukkan data ke dalam perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) untuk analisa seterusnya.

Analisis dan Dapatan Kajian

Daripada 230 borang soal selidik yang telah diedarkan, sebanyak 200 borang telah berjaya dikumpul dengan lengkap dan boleh digunakan untuk menganalisa data. Sebanyak 30 borang soal selidik terpaksa diketepikan kerana tidak dijawab dengan lengkap. Analisa kekerapan digunakan dan data diterjemah ke dalam bentuk peratusan.

Latar Belakang Responden

Jadual 2 Latar belakang responden

Demografi		N	Peratus %
Jantina	Lelaki	133	66.5
	Perempuan	67	33.5
Umur	20 dan ke bawah	9	4.5
	21-30	94	47.0
	31-40	22	11.0
	41-50	16	8.0
	51-60	16	8.0
Kaum	Melayu	56	28.0
	Cina	25	12.5
	India	27	13.5
	Bidayuh	30	15.0
	Iban	54	27.0
	Lain-lain	8	4.0
	Pekerjaan	Pelajar	101
	Kakitangan kerajaan	25	12.5
	Kakitangan swasta	37	18.5
	Penganggur	25	12.5

Status	Lain-lain	12	6.0
	Bujang	137	68.5
	Berkahwin	63	31.5
Agama	Islam	56	28.0
	Kristian	94	47.0
	Buddha	15	7.5
	Hindu	27	13.5
	Lain-lain	8	4.0

Jadual 2 menunjukkan lebih daripada separuh iaitu 66.5% orang terdiri daripada responden lelaki. Manakala selebihnya sebanyak 33.5% adalah responden perempuan. Kebanyakan dari mereka adalah dalam lingkungan umur 21-30 tahun iaitu sebanyak 47.0% orang. Kumpulan kaum yang menunjukkan data yang paling tinggi adalah terdiri daripada kaum Melayu sebanyak 56 orang responden atau 28.0%. Diikuti oleh kaum Iban sebanyak 54 orang dan kaum Bidayuh seramai 30 orang. Bagi kumpulan kaum India dan Cina pula, masing-masing mewakili 13.5% dan 12.5% responden. Kumpulan agama yang paling tinggi adalah agama Kristian iaitu sebanyak 94 orang responden atau 47.0% diikuti oleh agama Islam seramai 56 orang responden atau 28.0%, agama Hindu sebanyak 13.5% atau seramai 27 orang responden manakala bagi agama Buddha pula adalah seramai 15 orang responden atau 7.5% sahaja. Sebanyak 50.5% responden terdiri daripada pelajar, manakala kakitangan swasta dan kerajaan masing-masing mencatat peratusan sebanyak 18.5% dan 12.5%. Seramai 25 orang responden adalah penganggur dan baki seramai 12 orang tergolong dalam pekerjaan yang berlainan. Berkaitan status perkahwinan pula, sebanyak 137 orang responden atau 68.5% yang masih bujang, manakala yang selebihnya iaitu sebanyak 63 orang responden atau 31.5% terdiri daripada yang telah berkahwin.

Persepsi Masyarakat Kuching

Jadual 3 menunjukkan analisa persepsi masyarakat di sekitar bandar Kuching, Sarawak terhadap seni persembahan penghibur jalanan. Peratusan tertinggi iaitu sebanyak 28.5% responden memilih sangat setuju terhadap kenyataan penghibur jalanan sesuai dijadikan karier sebagai seorang artis manakala 2.5% memilih sangat tidak setuju. Lebih daripada 50% responden menyatakan bahawa mereka akan hadir kembali untuk menonton persembahan jalanan manakala 0.5% memilih untuk tidak kembali menonton.

Jadual 3 Persepsi masyarakat Kuching

Persepsi masyarakat		N	Peratus (%)
Penghibur jalanan sesuai dijadikan karier sebagai seorang artis.	Sangat tidak setuju	5	2.5
	Tidak setuju	7	3.5
	Kurang setuju	35	17.5
	Agak setuju	50	25.5
	Setuju	46	23.0
	Sangat setuju	57	28.5
Saya akan datang untuk menonton persembahan ini lagi.	Sangat tidak setuju	1	0.5
	Tidak setuju	5	2.5
	Kurang setuju	21	10.5
	Agak setuju	34	17.0
	Setuju	87	43.5
	Sangat setuju	52	26.0
Saya gemar mendengar persembahan tersebut.	Sangat tidak setuju	1	0.5
	Tidak setuju	8	4.0
	Kurang setuju	23	11.5
	Agak setuju	27	13.5
	Setuju	84	42.0
	Sangat setuju	52	28.5
Saya menyukai persembahan tersebut.	Sangat tidak setuju	2	1.0
	Tidak setuju	10	5.0
	Kurang setuju	16	8.0

Saya akan mengajak kawan-kawan untuk menonton persembahan ini.	Agak setuju	29	14.5
	Setuju	72	36.0
	Sangat setuju	71	35.5
	Sangat tidak setuju	3	1.5
	Tidak setuju	8	4.0
Persembahan ini telah menarik perhatian saya.	Kurang setuju	16	8.0
	Agak setuju	30	15.0
	Setuju	88	44.0
	Sangat setuju	55	27.5
	Sangat tidak setuju	1	0.5
Persembahan ini telah meninggalkan impak yang baik.	Tidak setuju	5	2.5
	Kurang setuju	20	10.0
	Agak setuju	24	12.0
	Setuju	72	36.0
	Sangat setuju	78	39.0
Persembahan ini telah memberi kesan yang buruk kepada golongan belia.	Sangat tidak setuju	9	4.5
	Tidak setuju	17	8.5
	Kurang setuju	30	15.0
	Agak setuju	51	25.5
	Setuju	20	10.0
Persembahan ini mampu menjana ekonomi negara.	Sangat setuju	73	36.5
	Sangat tidak setuju	59	29.5
	Tidak setuju	47	23.5
	Kurang setuju	34	17.0
	Agak setuju	31	15.5
Persembahan ini hanya membuang masa.	Setuju	18	9.0
	Sangat setuju	11	5.5
	Sangat tidak setuju	35	17.5
	Tidak setuju	73	36.5
	Kurang setuju	20	10.0
	Agak setuju	45	22.5
	Setuju	22	11.0
	Sangat setuju	5	2.5
	Sangat tidak setuju	91	45.5
	Tidak setuju	8	4.0
	Kurang setuju	37	18.5
	Agak setuju	28	14.0
	Setuju	14	7.0
	Sangat setuju	22	11.0

Lebih daripada 80% responden menyukai persembahan tersebut manakala lebih sebanyak 20% tidak menyukainya. Sebanyak 44.0% responden memilih untuk mengajak kawan-kawan menonton persembahan ini dan sebanyak 1.5% yang sangat tidak bersetuju untuk mengajak kawan-kawan mereka untuk menonton persembahan penghibur jalanan di sekitar bandar Kuching, Sarawak. Seramai 87% responden mengaku tertarik dengan persembahan penghibur jalanan, 72% mengatakan bahawa persembahan tersebut memberi impak yang baik kepada masyarakat. 70% tidak setuju bahawa persembahan jalanan memberi kesan negatif kepada generasi muda. Walau bagaimanapun, 64% daripada responden tidak berpendapat bahawa persembahan jalanan mampu menjana ekonomi negara.

Kesimpulan

Berdasarkan pernyataan, pemerhatian serta analisa yang dijalankan, pada keseluruhannya penyelidik dapat menggambarkan bahawa masyarakat di sekitar bandar Kuching, Sarawak mempunyai persepsi yang positif terhadap seni persembahan jalanan. Namun, mereka masih beranggapan bahawa ia tidak dapat menjana pendapatan ekonomi negara. Rata-rata penduduk di sekitar bandar Kuching, Sarawak gemar

memenuhi tempat yang mempunyai persembahan penghibur jalanan sehinggakan ramai yang sanggup berdiri hanya untuk menyaksikan persembahan itu. Analisa data yang diperolehi oleh penyelidik turut membuktikan bahawa mereka amat terhibur dengan persembahan tersebut. Persembahan penghibur jalanan terbukti meninggalkan kesan positif terutamanya kepada golongan belia serta masyarakat setempat. Unsur-unsur kehidupan dan nasihat yang diselit di dalam persembahan mereka memberi kesedaran kepada masyarakat dalam suasana penyampaian yang berbentuk santai. Oleh kerana wujudnya unsur kreatif tersebut, tidak hairanlah jika golongan ini di negara-negara membangun tidak dipandang rendah. Kajian ini hanya menggunakan analisa ringkas untuk mendapatkan data. Hasil kajian ini diharap dapat digunakan oleh pengkaji untuk masa hadapan. Analisa yang lebih kompleks boleh aplikasikan untuk melihat hubung kait antara persepsi persembahan jalanan dan imej negeri tersebut. Analisa kolerasi dan regrasi dijangka dapat menghasilkan data yang lebih terperinci.

Rujukan

- J, B. W. (1993). *Performing arts-the economic dilemma: A study of problems common to theater, opera, music and dance*. Gregg Revivals.
- Sinar, T. L. (n.d.). *Sejarah seni muzik dan tari Melayu di Sumatra Utara*. Sumatra Utara: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bennett, A. (2000). *Popular music and youth culture: Music, identity and place*. Macmillan Press LTD.
- Association of Street Performers and Artists, [website], <http://streetslive.org/>, (Accessed 3 April 2015).
- Aziddin, M. Y. (2008, August 8). Busker bukan pengemis (Malaysia konsep jun 2008). <http://www.pestajiwa.net/busker-bukan-pengemismajalah-konsep-jun-2008/>.
- Aziddin, M. Y. (2010, January 17). Busking..jom!! *mStar online*.
- Aziddin, M. Y. (2010, January 17). *Busking..jom!!* Retrieved from mStar online: <http://www.pestajiwa.net/busking-jom/>
- Busker bukan pengemis (Malaysia konsep Jun 2008). (2008, August 8). <http://www.pestajiwa.net/busker-bukan-pengemismajalah-konsep-jun-2008/>.
- Caliph Buskers mahu terus jadi pemuzik jalanan. (2015, January 20). *mStar Online*.
- Ghafar, H. A. (2013, Jun 28). Seniman jalanan wanita. *Berita Harian*. Retrieved from: <http://www2.bharian.com.my/articles/Senimanjalananwanita/Article/>
- Kebudayaan., K. P. (2014, Oktober 18). KPKK sedia lokasi latihan untuk penghibur jalanan di bangunan Sultan Abdul Samad. *Utusan Online*.
- Wallach, J. (1998). Muzik Popular Malaysia dan Masyarakat Moden. Retrieved from <http://www.pestajiwa.net/busker-bukan-pengemismajalah-konsep-jun-2008/>